

## **Perbandingan Corak Kadar Denyutan Jantung di Antara Pemain Senior dan Pemain Baru dalam Permainan Lawn Bowl SUKMA Johor**

Nik Rozita Haji Ab Lattip, Halijah Ibrahim, Zainal Zainuddin  
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk melihat perbandingan corak kadar denyutan jantung di antara pemain senior dan pemain baru dalam permainan *lawn bowl* atlit SUKMA Johor. Seramai tiga orang subjek terlibat di dalam kajian ini dengan umur dan sisihan piawai ( $19.5 \pm 2.1$ ). Pengujian dijalankan menggunakan Polar Heart Rate Monitor (Finland model S720i), dan *Elastic Transmitter Strap* yang di pakai pada bahagian dada, manakala *Polar Wrist Receiver* di pakai pada bahagian tangan atlit tersebut untuk merekod data. Subjek menjalani sesi latihan selama satu jam melakukan kemahiran taktikal dalam lakuan *short*, *medium* dan *long deliver*. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian excel 2007 dan perisian Statistical Packages for Social Science versi 12.0 (SPSS12.0). Ujian-t tidak bersandar yang dijalankan, mendapati bahawa kadar denyutan jantung pemain senior (purata =119.47, Sisihan Piawai =17.01) adalah berbeza secara signifikan dengan pemain baru (purata =137.91, Sisihan Piawai = 3.93) dengan nilai  $t = -8.25$ , pada aras keertian yang ditetapkan pada  $p < 0.05$ . Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat pola perbezaan diantara pemain senior dan pemain baru dalam melakukan lakuan kemahiran yang sama. Pemain senior menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding pemain baru. Secara tidak langsung ini menggambarkan terdapat pengaruh kadar denyutan jantung keatas prestasi pemain.